

KENYATAAN AKHBAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)



STATUS KUALITI UDARA PADA 7 JULAI 2014 (ISNIN)

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 7.00 pagi menunjukkan 47 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 5 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Tiada kawasan mencatatkan bacaan IPU tidak sihat.** Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my>

MAKLUMAT TITIK PANAS (HOTSPOT)

Musim Monsun Barat Daya yang membawa cuaca panas dan kering dalam negara masa kini dijangka berterusan sehingga bulan September 2014.

Melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 18* pada 6 Julai 2014, tiada titik panas (hotspot) yang dikesan di Sumatera, Indonesia dan juga di dalam negara. Satelit tidak dapat memaparkan jumlah sebenar titik panas (hotspot) berikutan terdapat litupan awan tebal.

Peta jerebu serantau dan peta imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 18* yang dikeluarkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 6 Julai 2014 masing-masingnya adalah seperti di **Rajah 1** dan **Rajah 2**.

Dalam usaha menangani musim panas dan kering Monsun Barat Daya dan impak fenomena cuaca El Nino yang boleh menyebabkan cuaca menjadi lebih panas dan kering yang seterusnya memudahkan berlakunya kebakaran terbuka dalam negara, NRE melalui JAS telah mengambil beberapa langkah awal, antaranya:-

1. Mengaktifkan **Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka** di seluruh negara mulai bulan Februari 2014. Ia meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mudah terbakar, tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran terbuka di kawasan tapak binaan, industri dan ladang manakala bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil tindakan kompaun akan dikenakan; mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi dan memastikan tapak-tapak pelupusan tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu, mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, penglibatan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai;
2. Pemantauan rapi ke atas kawasan-kawasan tanah gambut yang sering terbakar melalui pengaktifan **Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar** di mana pemeriksaan di lapangan dijalankan setiap hari bagi mengawasi paras air dalam saluran gambut (*check dam*) agar tidak menyusut dan pengepaman air dari telaga air tanah bagi melembapkan lapisan tanah gambut agar tidak menjadi kering dan mudah terbakar;
3. Pengeluaran **Perintah Larangan Pembakaran Terbuka** bagi seluruh negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya semenjak bulan Mac 2014. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring). **Perintah Larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuatkuasa;**

4. Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering dipertingkatkan semenjak bulan Mac 2014 ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri; dan
5. Pemantauan melalui udara (*aerial surveillance*) dilaksanakan bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar dan kawasan pedalaman yang berisiko tinggi berlaku kebakaran.

Berdasarkan siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 6 Julai 2014, sebanyak 4,361 kes pembakaran terbuka telah dikesan iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (897 kes), kawasan pertanian (1,432 kes), kawasan industri (34 kes), kawasan pembinaan (132 kes), tapak pelupusan sampah (69 kes), kawasan belukar (1,001 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (796 kes). Bagi tempoh yang sama, sebanyak 297 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 94 kes telah dikeluarkan Notis Amaran. Selain itu, sebanyak **43 Kertas Siasatan bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka telah dibuka bagi tindakan pendakwaan di mahkamah.**

Dalam situasi jerebu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terus diambil sehingga boleh membawa kepada tindakan penangkapan ke atas mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk membantu penyiasatan. Berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan) 2012 mulai 2 Januari 2013 yang memberi **kuasa menangkap penjenayah alam sekitar yang disyaki tanpa waran** di bawah peruntukan Seksyen 37 C, seramai 194 orang pegawai JAS telah diberikan surat kuasa khas dan latihan serta dalam keadaan bersiap sedia bagi melaksanakan peruntukan ini terutama bagi kesalahan yang menjejaskan kepentingan dan kesihatan awam termasuklah melakukan pembakaran terbuka.

NASIHAT / MAKLUMAN

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.


Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

7 Julai 2014

PETA JEREBU SERANTAU, 6 JULAI 2014

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



IMEJ SATELIT NOAA 18, 6 JULAI 2014

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

